

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
(KOTA KINABALU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.06.2015

Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [KOTA KINABALU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah caruman KWSP terkumpul sehingga tahun terkini dan berapakah jumlah caruman KWSP yang tidak dituntut bagi pekerja yang meninggal dunia sebelum berusia 55 tahun sehingga tahun berakhir 2013. Adakah Kerajaan akan mengkaji semula pengeluaran caruman KWSP untuk tujuan lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) terkumpul setakat 30 April 2015 adalah sebanyak RM604,518,843,039.45. KWSP tidak mempunyai rekod jumlah caruman yang tidak dituntut bagi pekerja yang telah meninggal dunia kerana KWSP hanya mengetahui tentang status kematian ahli apabila waris ahli yang telah meninggal dunia membuat tuntutan dari pihak KWSP. Walau bagaimanapun, jumlah keseluruhan tuntutan yang telah dituntut oleh waris bagi pencarum yang telah meninggal dunia sebelum berusia 55 tahun bagi tempoh Januari 2009 hingga Disember 2013 adalah seramai 44,304 ahli dan melibatkan pembayaran caruman sebanyak RM1,467,169,846.98.

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula pengeluaran caruman untuk tujuan lain. Namun begitu, KWSP sentiasa menjalankan kajian untuk menambahbaik Skim KWSP supaya selaras dengan objektif penubuhan KWSP sebagai sebuah organisasi keselamatan sosial yang menyediakan simpanan persaraan ahli.